

## AKHBAR : SINAR

# Serah pada Pas Pusat: Ahmad Yunus

**SHAH ALAM** – "Pas Selangor melihat keperluan kepada perbincangan itu, namun begitu Pas Pusat yang perlu buat keputusan," kata Timbalan Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai kenyataan Setiausaha Publisiti DAP Selangor, Ng Suee Lim yang mengakui DAP sentiasa terbuka menerima apa juga cadangan pelbagai pihak termasuk mewujudkan kembali

Pakatan Rakyat (PR) terutamanya dengan Pas bagi membolehkan pengundi terus memberi sokongan kepada pakatan pembangkang.

Ahmad Yunus berkata, perbincangan itu tidak semestinya dengan Pakatan Harapan.

"Saya tegaskan, perlunya perkongsian kuasa dalam situasi kepelbagaian kaum di negeri ini.

"Namun begitu, saya ingatkan mana-mana parti pembangkang agar jangan sese kali mengkhianati peluang itu dengan persepsi yang direka terhadap Pas," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Ahmad Yunus yang juga Adun Sijangkang mengakui perlunya blok pembangkang yang kuat dalam usaha menumbangkan kerajaan hari ini.

"Hasil keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar baru-baru ini, menunjukkan perpecahan dalam pembangkang menyebabkan rakyat tidak memilih blok pembangkang, sekali gus memberi kemenangan kepada BN.

"Melalui keputusan itu juga, DAP mahu bersikap terbuka dan sudah nampak Pas tidak boleh ditinggalkan bagi membentuk kerajaan yang menjadi pilihan rakyat," katanya.

Beliau berkata, DAP semakin sedar bahawa Parti Amanah Negara (Amanah) juga tidak mampu untuk melakukannya tanpa Pas.



AHMAD YUNUS